

02/08/2004

Kekalkan muafakat: PM (HL)

By Saufi Hamzah; Mohd Anwar Patho Rohman

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan ahli Umno mengekalkan pemuafakatan dan kerjasama ketika menghadapi pemilihan pucuk pimpinan bulan depan supaya parti itu terus teguh dan kuat.

Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno berkata, adalah menjadi tanggungjawab setiap ahli memastikan parti itu terus teguh dan kuat agar rakyat yang menaruh kepercayaan kepada perjuangannya tidak mengalami kekecewaan.

Katanya, parti itu kini berdepan dengan ujian kedua iaitu pemilihan pucuk pimpinan selepas kejayaan besar mencapai kemenangan dalam pilihan raya umum, Mac lalu.

"Saya mahu supaya pemilihan itu dijalankan dalam keadaan yang baik, bermuafakat dan tidak bergaduh.

"Saya harap kemenangan yang diperoleh pada pilihan raya itu dapat memberi kekuatan kepada parti untuk berjuang memajukan rakyat. Kita tidak mungkin dapat melaksanakan semua itu kalau kita lemah, tidak bermuafakat dan bergaduh pula," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kepala Batas di Pusat Budi Penyayang, di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya dan Datuk Seri Dr Ibrahim Saad sebagai wakil badan perhubungan negeri.

Abdullah berkata, Umno kuat kerana parti itu mempunyai kuasa pemerintahan dan kuasa itu harus dipelihara dan dijaga dengan sebaik mungkin bagi mengekalkan perpaduan di kalangan ahlinya.

"Nikmat kuasa yang dipinjamkan oleh Allah kepada kita perlu digunakan dengan sebaiknya untuk menjalankan pembangunan kepada rakyat dan memajukan negeri dan negara," katanya.

Pada sidang akhbar kemudian, Perdana Menteri yang juga Ketua Umno Bahagian Kepala Batas berkata, mengingatkan ahli Umno yang mahu mencari sokongan dan undi bagi menghadapi pemilihan parti bulan depan, supaya tidak mencetuskan keadaan yang tidak baik semasa berkempen.

Katanya, adalah menjadi kebiasaan kepada ahli yang bertanding untuk mencari sokongan dan undi tetapi beliau mahu supaya mereka tidak mengamalkan politik wang dalam usaha itu.

"Itu biasalah (mencari sokongan) tetapi saya harap janganlah semasa mencari sokongan dan undi tercetus pula kegiatan dan cara kempen yang boleh membawa kepada keadaan tidak baik kepada parti dan jangan sekali-kali menggunakan politik wang untuk mencari undi," katanya.

Bagaimanapun, beliau bersyukur kebanyakan bahagian Umno di negara ini sudah mengadakan pemilihan mereka dengan baik walaupun terdapat sedikit aduan yang perlu diselesaikan oleh jawatankuasa pengurusan dan disiplin.

Abdullah juga menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawabnya untuk menguruskan kejayaan parti yang diwarisi daripada bekas Presiden, Tun Dr Mahathir Mohamad dan bukanlah mudah kerana beliau perlu bekerja kuat untuk memastikan Umno lebih berjaya dan terbilang pada masa akan datang.

Katanya, kejayaan yang dicapai Dr Mahathir perlu dikembangkan bagi memastikan rancangan yang dijanjikan kepada rakyat dapat dilaksanakan terutamanya menerusi Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

(END)